

R

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM**  
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Ust. Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman**  
**Razali [ Kuala Nerus ]**

**TARIKH : 29 Mac 2018**

**SOALAN : 61**

**Ust. Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali [ Kuala Nerus ]**  
minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik, punca-punca dan langkah langkah bagi mengatasi 'kehilangan' doktor pakar dari hospital Kerajaan.

**Tuan Yang di- Pertua,**

Berdasarkan statistik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), bilangan Pegawai Perubatan Pakar yang meletakkan jawatan bagi tempoh 2015 hingga 31 Januari 2018 adalah seramai 502 orang. Antara punca perletakan jawatan Pegawai Perubatan Pakar yang telah dikenalpasti antara lain adalah faktor peribadi (59%) dan berkhidmat di sektor swasta (24%).

KKM sentiasa berusaha untuk memastikan Pegawai Perubatan Pakar supaya terus kekal berkhidmat di hospital Kerajaan. Antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- i. Mbenarkan Pegawai Perubatan Pakar Gred UD54 dan ke atas yang telah diwartakan sekurang-kurangnya 4 tahun serta memenuhi syarat-syarat tertentu diberi kelonggaran satu (1) hari seminggu dalam tempoh waktu bekerja rasmi untuk melaksanakan Waktu Kerja Fleksi berkuat kuasa 1 Januari 2018 seperti mana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2018;
- ii. Mbenarkan Pegawai Perubatan Pakar membuat lokum di hospital swasta dengan syarat-syarat tertentu;
- iii. Memberi elaun sebanyak RM200 sejam kepada Pegawai Perubatan Pakar yang melakukan kes-kes Pembedahan pada hari cuti hujung minggu untuk mengurangkan masa menunggu bagi kes-kes pembedahan elektif;
- iv. Memperkenalkan *Full Paying Patient* (FPP) (dengan izin) di Hospital KKM di mana Pegawai Perubatan Pakar boleh menjana sumber pendapatan tambahan dengan menawarkan perkhidmatan kepada pesakit yang berkemampuan untuk membayar kos penuh perubatan di hospital yang melaksanakan FPP. Selain itu, pesakit juga mempunyai pilihan untuk mendapatkan penjagaan rawatan di hospital kerajaan yang terpilih dengan kelebihan-kelebihan tertentu;

- 136
- v. Memberi kenaikan pangkat pakar lebih cepat mengikut tempoh Pakar tersebut berkhidmat di KKM (*time based promotion*) (dengan izin) mulai 9 Mac 2010. Bagi kenaikan pangkat Pakar Perubatan, Pegawai Perubatan yang telah diwartakan sebagai Pakar dan telah berkhidmat selama 9 tahun, mereka boleh dipertimbangkan terus ke Gred UD54;
  - vi. Menambahbaik peluang kenaikan pangkat Pakar Perubatan dengan mewujudkan Gred Pakar UD56. Antara kriteria yang perlu dipenuhi untuk kenaikan pangkat ini ialah pegawai telah diwartakan sebagai Pakar Perubatan dan berada atas Gred UD54 bagi tempoh tidak kurang daripada 5 tahun;
  - vii. Memberi peluang kepada Pegawai Perubatan Pakar melanjutkan pelajaran dalam bidang sub kepakaran;
  - viii. Mengadakan peluang latihan di luar negara bagi kursus jangka pendek;
  - ix. Menambahbaik Bayaran Insentif Pakar daripada lingkungan RM1,400.00 hingga RM2,400.00 kepada lingkungan RM1,900 kepada RM3,100.00 mulai 1 Januari 2009. Peningkatannya adalah sebanyak RM500.00 hingga RM700.00;
  - x. Menambahbaik kadar bayaran Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa (*On-call*) (*EKLWBB*) (*Active Call*) (dengan izin) bagi Pegawai Perubatan Pakar iaitu RM230 pada hari bekerja dan RM250 pada hari cuti mingguan dan cuti am; dan

- xi. Memperkenalkan Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan/Pergigian (BIPP) kepada Pegawai Perubatan Pakar yang bertugas di fasiliti kesihatan di Sabah dan Sarawak berkuat kuasa 1 Julai 2016. Kadar bayaran adalah dalam lingkungan RM500.00 hingga RM2,000.00 bagi kawasan bandar dan lingkungan RM1,000.00 hingga RM2,500.00 bagi kawasan luar bandar.